

**APLIKASI KAEDEAH *FIQHIYYAH* DALAM  
PENGHAKIMAN: KAJIAN TERHADAP  
*JURNAL HUKUM (2004-2013)***

**MASTURA BINTI RAZALI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**APLIKASI KAEDEAH *FIQHIYYAH* DALAM  
PENGHAKIMAN: KAJIAN TERHADAP  
*JURNAL HUKUM (2004-2013)***

**Oleh**

**MASTURA BINTI RAZALI**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Islam)**

**SEPTEMBER 2015**

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa karya ini merupakan hasil kerja sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

SEPTEMBER 2015

MASTURA BINTI RAZALI

P-HM0009/12(R)

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Tiada nisbah dapat diungkap atas kesyukuranku dengan kurniaan dan limpahan rahmat serta kasih sayangMu kerana akhirnya penyelidikan ini berjaya disempurnakan dengan izin Ilahi. Dahulu kini dan selamanya selawat buat al-Amin Nabi Muhammad s.a.w. nabi terakhir yang menjadi kekasihMu juga pemimpin umat Islam.

Selautan cinta buat ayahanda Razali Bin Abu Bakar dan bonda Sabariah Binti Sulaiman atas segala perhatian, pengorbanan dan kepercayaan yang tidak pernah berbelah bahagi. Sokongan dan inspirasi daripada adik-beradikku Siti Munirah, Nabilah, Aishah, Abdul Muiz dan Muhammad Salman. Seluruh saudara-mara serta sahabat-sahabat seperjuangan khususnya sahabatku Salmee Suhaina, infiniti terima kasihku kepada kalian semua atas segalanya sehingga disertasi ini selamat ke penghujungnya kini. Hanya Allah s.w.t yang mampu membalas segala jasa, pertolongan dan pengorbanan kalian.

Kalam bisu berbicara mengucapkan jutaan terima kasih atas segala sokongan, dorongan dan curahan ilmu yang sangat berguna sepanjang perjalanan proses menyiapkan penyelidikan ini khusus buat penyelia; Profesor Madya Dr. Jasni Bin Sulong, yang banyak membantu dalam memberi panduan dan nasihat serta perhatian yang tinggi tanpa jemu dalam meneliti tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada semua pihak dan Jabatan yang terlibat seperti JKSM, MyBrain, USM, UM, UKM, UIA dan sebagainya yang telah menghulurkan bantuan dalam apa juu bentuk sama ada bimbingan, nasihat, kewangan, sumbangan buku rujukan, penyaluran data dan maklumat dan sebagainya.

Seterusnya ucapan penghargaan ini ditujukan buat semua insan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Akhirnya prinsip buat diri yang sering alpa. Ya Allah..ku datang padaMu menyerah diri, melukis kata hati, membicarakan yang tersembunyi. Andai taubat itu di hujung dunia, Engkau titiskanlah ia di samudera. Andai di hujung langit, Engkau sisipkanlah di pangkal bumi, tiupkan ke dalam nalariku, agar tangan ini terus menadah mengharapkan diri ini tidak akan roboh lagi janjiku padaMu. Wassalam.

Pengkaji mengucapkan segala pujian dan kesyukuran kepada Allah s.w.t seandainya usaha kecil pengkaji ini dapat memberi manfaat walaupun sedikit kepada seluruh masyarakat di dalam mempamerkan *kesyumanan* Islam terhadap setiap sudut kehidupan manusia agar dapat direalisasikan dalam kehidupan ke arah menuju keredhaan Allah s.w.t dan syurga abadi.

Sekian, terima kasih.

Mastura Binti Razali

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,

Universiti Sains Malaysia,

11800, Pulau Pinang.

## **SENARAI KANDUNGAN**

## **HALAMAN**

<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI STATUT RUJUKAN</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI KES RUJUKAN</b>	<b>xii</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	<b>xvii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>xix</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>xxi</b>

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	3
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Kepentingan Kajian	5
1.4 Definisi Operasional	6
1.5 Kajian Lepas	9
1.6 Skop Kajian	21
1.7 Metodologi Kajian	22
1.7.1 Metode Pengumpulan Data	22
1.7.1 (a) Metode Kajian Kepustakaan	23
1.7.1 (b) Metode Temu Bual	24
1.7.2 Metode Analisis Data	25
1.7.2 (a) Analisis Induktif	25
1.7.2 (b) Analisis Deduktif	26
1.7.2 (c) Analisis Komparatif	26

1.8	Sistematika Kajian	26
1.9	Kesimpulan	27

## **BAB 2: KAEADAH *FIQHIYYAH* DALAM PERUNDANGAN ISLAM**

2.0	Pengenalan	29
2.1	Sejarah Perkembangan Kaedah <i>Fiqhiyyah</i>	29
2.1.1	Peringkat Penyusunan Kaedah <i>Fiqhiyyah</i>	32
2.1.2	Peringkat Pembukuan Kaedah <i>Fiqhiyyah</i>	33
2.2	Definisi Kaedah <i>Fiqhiyyah</i>	38
2.3	Perbezaan antara Kaedah <i>Fiqhiyyah</i> dan Kaedah <i>Usūliyyah</i>	41
2.4	Sumber Kaedah <i>Fiqhiyyah</i>	42
2.5	Kedudukan Kaedah <i>Fiqhiyyah</i> Sebagai Hujahan dalam Penghakiman	48
2.6	Pembahagian Kaedah <i>Fiqhiyyah</i>	51
2.6.1	الأمور بمقاصدها	52
2.6.2	اليقين لا يزال بالشك	58
2.6.3	المشقة تخلب التيسير	63
2.6.4	الضرر يزال	66
2.6.5	العادة محكمة	71
2.7	Kepentingan Aplikasi Kaedah <i>Fiqhiyyah</i> dalam Penghakiman	78
2.8	Kesimpulan	86

## **BAB 3: PENULISAN PENGHAKIMAN**

3.0	Pengenalan	87
3.1	Penulisan Penghakiman dalam Islam	87
3.1.1	Al-Quran	88
3.1.2	Hadīth	90
3.2	Perkembangan Penulisan Penghakiman	91
3.2.1	Zaman Rasulullah s.a.w	92
3.2.2	Zaman Sahabat	94

3.2.3	Zaman Tābi'ēn dan Tābi' Tābi'ēn	99
3.2.4	Zaman Sebelum Kemerdekaan	107
3.2.5	Zaman Selepas Kemerdekaan	112
3.3	Kaedah Penulisan Penghakiman	117
3.4	Kesimpulan	120
<b>BAB 4: ANALISIS KAJIAN</b>		
4.0	Pengenalan	122
4.1	Aplikasi Kaedah <i>Fiqhiyyah</i> dalam Penghakiman: Kajian Terhadap <i>Jurnal Hukum</i> (2004-2013)	122
4.2	Kesimpulan	212
<b>BAB 5: PENUTUP</b>		
5.0	Pengenalan	217
5.1	Rumusan Hasil Kajian	217
5.2	Saranan Kajian	221
5.3	Penutup	224
<b>BIBLIOGRAFI</b>		
<b>LAMPIRAN</b>		
		226
		243

## SENARAI JADUAL

## HALAMAN

Jadual 4.1	:Kaerah العادة محكمة dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	126
Jadual 4.2	:Kaerah البينة على المدعي واليمين على من انكر dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	129
Jadual 4.3	:Kaerah الكتابة كالخطاب dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	134
Jadual 4.4	:Kaerah المعروف عرفاً كالمشروط شرعاً dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	136
Jadual 4.5	:Kaerah الأصل عدم dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	141
Jadual 4.6	:Kaerah الضرر يزال dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	146
Jadual 4.7	:Kaerah إذا تعارض مفسدان روعي أعظمهما ضرراً بارتكاب أحدهما dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	149
Jadual 4.8	:Kaerah سد الزرائع dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	154
Jadual 4.9	:Kaerah درء المفاسد أولى من جلب المصالح dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	157
Jadual 4.10	:Kaerah المرء مؤاخذ بإقراره dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	161
Jadual 4.11	:Kaerah الأصل بقاء مكان على ما كان dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	164
Jadual 4.12	:Kaerah الأصل براءة الذمة dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	167
Jadual 4.13	:Kaerah المشقة تجلب التيسير dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	170
Jadual 4.14	:Kaerah الأصل في الأمور العارضة عدم dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	173
Jadual 4.15	:Kaerah اليقين لا يزال بالشك dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	176
Jadual 4.16	:Kaerah الضرورات تبيح المحظورات dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	177
Jadual 4.17	:Kaerah إذا زال المانع عاد الممنوع dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun	180

	2004-2013	
Jadual 4.18	:Kaedah إحتمال أخف المفسدين لدفع أعظمهما dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	182
Jadual 4.19	:Kaedah الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	186
Jadual 4.20	:Kaedah يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام dalam <i>Jurnal Hukum</i> tahun 2004-2013	189

## **SENARAI STATUT RUJUKAN**

Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1998, (Akta No. 585, 1998).

Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1997, (Akta No. 560, 1997).

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984, (Akta No. 303).

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505).

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2001-Kod Etika Hakim Syarie

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2002-Kesan Keputusan Mahkamah Yang Lebih Tinggi

Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001-Alasan Penghakiman

Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013-Penggunaan Aplikasi E-Bicara Oleh Hakim Syarie

Arahan Amalan No. 10 Tahun 2001-Pengumpulan Kes-Kes Untuk *Jurnal Hukum*

Arahan Amalan No. 10 Tahun 2006-Permohonan Hak Jagaan Sementara Secara *Ex-Parte*

Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011-Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman

Arahan Amalan No. 15 Tahun 2004-Rekod Kes-Kes Rayuan

Kedah, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kedah 1985 (No. 6/1985).

Kelantan, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kelantan) 2002 (No. 6/2002).

Kelantan, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan 1982 (No. 3/1982).

Melaka, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Melaka 1959 (No. 1/1959)

Melaka, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 (No. 13/2002).

Melaka, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002 (No. 9/2002).

Melaka, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 (No. 12/2002).

Negeri Sembilan, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (No. 11/2003).

Pahang, Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (No. 8/1982).

Perlis, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Perlis) 2006 (No. 7/2006).

Selangor, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (No. 5/2003).

Selangor, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 (No. 2/1989).

Selangor, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952 (No. 3/1952)

Selangor, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (No. 2/2003).

## SENARAI KES RUJUKAN

- Abd Razak Bin Kasim lawan Radziah Binti Yahya* (2013).37 **JH** 68
- Aimi Nazura Binti Nawi lawan Mohamad Sobri Bin Muhammad* (2008)26 **JH** 27
- Awee v Ibrahim* (1916) 1 **F.M.S.L.R.** 274
- Badrul Hisham Bin Mohamed Ramli lawan Hayati Binti Mohamed Nazir* (2008) 25 **JH** 55
- Balasingham v Public Prosecutor* (1959) 25 **M.L.J** 193
- Faizah Binti Mohamad lawan Roslin Bin Hashim* (2012) 35 **JH** 275
- Faridah Hanim Binti Omar lawan Abd Latiff Ashaari* (2006) 22 **JH** 42
- Fatimah v Logan* (1871) 1 **Ky.** 255
- Hafizah Indra Binti Abdullah lawan Jamaluddin Bin Eusoff* (2006). 22 **JH** 51
- Haji Hanafiah lawan Rokiah* (1981) 2 **JH** 103
- In The Goods of Abdullah* (1835) 2 **Ky.** 8.
- Kamaluddin Bin Ibrahim lawan Pendakwa Syarie* (2009) 29 **JH** 27
- Ketua Pendakwa Syarie lawan Abdul Kahar Bin Ahmad* (2009). 29 **JH** 91
- Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan lawan Dharlizan Bin Jenal dan Tiga yang lain* (2008) 26 **JH** 53
- Kholed Bin Dimyati lawan Ketua Pendakwa Syarie Melaka* (2009) 29 **JH** 277
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) lawan Tis'ata 'Ashar Sdn. Bhd* (2008) 27 **JH** 137
- Mohd Fairus Bin Othman dan Ita Wijaya Binti Ismail* (2009) 28 **JH** 203
- Moktar Bin Radin lawan Pendakwa Syarie* (2011) 31 **JH** 94
- Moktar Bin Radin lawan Pendakwa Syarie* (2011) 32 **JH** 69
- Mustafa Batcha lawan A. Habeeba* (1991) 7 **JH** 255
- Noraini Binti Mokhtar lawan Abd. Halim Bin Samat* (2004) 18 **JH** 304

*Norhairy Cheong Bin Abdullah@Cheong Foo Siong* (2010) 30 **JH** 87

*Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan lawan Jaiman Bin Masta@Mastah dan Jamidah Binti Abdul Majid* (2005) 20 **JH** 154

*Pendakwa Syarie lawan Kartika Seri Dewi Binti Shukarno* (2010) 30 **JH** 269

*Radzi Bin Abdullah lawan Nursyaireen Binti Radzi dan seorang yang lain* (2013) 36 **JH** 70

*Radziah Binti Ibrahim lawan Peter R.Gottschalk@Yusuff Bin Abdullah* (2009) 27 **JH** 259

*Ramah v Laton* (1927) 6 **F.M.S.L.R.** 128

*Ramli Sulaiman lawan Rohani Binti Ab Hamid* (2010) 30 **JH** 95

*Ramli Bin Abdul Rahman lawan Marlia Akmar Binti Ramli* (2010) 30 **JH** 207

*ReTimah* (1940) 10 **M.L.J.** 44

*Rosmah Binti Suly dan seorang yang lain lawan Ismail Bin Mohamad dan seorang yang lain* (2011) 32 **JH** 232

*Shah Ruzan Bin Hamdan lawan Ketua Pendakwa Syarie* (2013) 36 **JH** 119

*Siti binti Yatim v Mohamed Nor* (1928) 6 **F.M.S.L.R.** 135

*Siti Zubaidah Chew Binti Abdullah@Chew Yin Yin* (2009) 29 **JH** 65

*Sri Utama Dewi Kasman lawan Abu Bakar Bin Abdullah* (2010) 30 **JH** 118

*Syed Abdullah al-Shatiri v Sharifah Salmah* (1959) 25 **M.L.J** 137

*Tuan Bidah Binti Tuan Kundor lawan Jusoh Bin Saman* (2011) 33 **JH** 277

*Wan Abdullah Bin Wan Muda dan Seorang Lagi lawan Wan Puziah Binti Wan Awang* (2005) 19 **JH** 295

*Wan Hashim Bin Wan Ahmad dan seorang lagi lawan Zaidah Binti Mohamed Saleh* (2012) 35 **JH** 143

*Zuraimi Bin Mustapha lawan Mazliza Binti Mat Amin* (2013) 37 **JH** 126

## PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi yang digunakan ialah berdasarkan kepada Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا ئ	a, ’(hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sy
ص	§
ض	D
ط	T
ظ	Z
ع	‘
غ	Gh

ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
ه	H
ي	Y
ة	H̄

## VOKAL

### a. Vokal Pendek

$$\text{ا} = \underline{\hspace{1cm}} = a$$

$$\text{ي} = \underline{\hspace{1cm}} = i$$

$$\text{و} = \underline{\hspace{1cm}} = u$$

### b. Vokal Panjang

Semua vokal panjang atau mad ( di atas, di bawah dan di hadapan) ditanda dengan

$$\text{ا} = \underline{\hspace{1cm}} = a$$

$$\text{ي} = \underline{\hspace{1cm}} = i$$

$$\text{و} = \underline{\hspace{1cm}} = u$$

### c. Diftong

Diftong huruf yang berbaris di atas bersambung dengan huruf ya (ş) dan waw (و) yang berbaris mati.

$$\mathfrak{I} = \underline{\hspace{2cm}} = ay$$

$$\mathfrak{W} = \underline{\hspace{2cm}} = aw$$

$$\mathfrak{S}^{\circ} = \underline{\hspace{2cm}} = iy/i$$

$$\mathfrak{U}^{\circ} = \underline{\hspace{2cm}} = uwu$$

## SENARAI KEPENDEKAN

@	Atau
Abd./ Ab.	Abdul
APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
Bhg.	Bahagian
Bil.	Bilangan
Cet.	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr.	Doktor
Ed.	Editor
et.al	et.alii, maksud “dan lain-lain lagi”
F.M.S.L.R	<i>Federated Malay States Law Reports</i>
H	Hijrah (Tahun)
h.	Halaman
HIV	Human Immunodeficiency Virus
Hj	Haji
http	Hypertext Transfer Protocol
Ibid	ibiden, Rujukan yang sama
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
j.	Jilid
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JH	<i>Jurnal Hukum</i>
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Jld.	Jilid
JMBRAS	<i>Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society</i>
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
Ky.	<i>Kyshe's Reports</i>
LUTH	Lembaga Urusan Tabung Haji
M	Masihi (Tahun)
M.L.J	<i>Malayan Law Journal</i>
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIK	Majlis Agama Islam Kedah
Mohd.	Mohammad
M.R.S	Mahkamah Rendah Syariah
M.Ry.S	Mahkamah Rayuan Syariah
M.T.S	Mahkamah Tinggi Syariah
No.	Nombor
op.cit	Buku yang sama
Prof.	Profesor
r.a	Radiy Allah ‘Anh
RM	Ringgit Malaysia
S.A.W	Sallallahu ‘Alaihi Wasallam
S.W.T.	Subhanahu Wa Ta’ala
Sdn Bhd	Sendirian Berhad
T.P	Tanpa Penerbit
T.T.P	Tanpa Tempat Penerbit
terj.	Terjemahan
UIA	Universiti Islam Antarabangsa

UITM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia
<i>V</i>	<i>Versus</i> (Lawan)
Vol.	Volume
www	World Wide Web
Y.A	Yang Arif
Y.A.A	Yang Amat Arif

## **APLIKASI KAEADAH *FIQHIYYAH* DALAM PENGHAKIMAN:**

### **KAJIAN TERHADAP *JURNAL HUKUM* (2004-2013)**

#### **ABSTRAK**

Kajian ini berkenaan aplikasi Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman yang diterbitkan dalam *Jurnal Hukum* (2004-2013). Kajian ini bertujuan menjelaskan konsep Kaedah *Fiqhiyyah* dan peranannya sebagai hujahan dalam perundangan Islam. Kajian ini juga menganalisis jenis Kaedah *Fiqhiyyah*, ketepatan dan kekerapan penggunaan kaedah tersebut diaplikasikan dalam penghakiman berdasarkan *Jurnal Hukum*. Selain itu, kajian ini turut mengkaji kedudukan dan kepentingan penulisan penghakiman dalam perundangan Islam. Metodologi pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah secara kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan bertujuan mengenal pasti konsep, sumber dan kehujahan Kaedah *Fiqhiyyah* serta konsep penulisan penghakiman. Manakala kajian lapangan pula dilaksanakan dalam metode temu bual ahli akademik dan pengamal undang-undang bertujuan mengetahui penggunaan Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman dan amalan penulisan penghakiman. Hasil kajian ini mendapati bahawa Kaedah *Fiqhiyyah* mempunyai peranan yang besar sebagai metode *istinbāt* hukum dan hujahan sokongan dalam mengendalikan kes-kes syariah. Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 34 jenis Kaedah *Fiqhiyyah* telah diaplikasikan dalam penghakiman. Selain itu, pengaplikasian Kaedah *Fiqhiyyah* oleh para hakim dalam kes-kes yang dilaporkan juga telah menepati maksud dan tujuan sesuatu Kaedah *Fiqhiyyah*. Kaedah *Fiqhiyyah* (‘العادة محكمة’, ‘adat’ dijadikan sebagai rujukan hukum) adalah kaedah yang telah dirujuk sebanyak 19 kali berbanding Kaedah *Fiqhiyyah* yang lain. Kajian ini mendapati dalam *Jurnal Hukum* (2004-2013) bahawa Kaedah *Fiqhiyyah* (الأمور بمقاصدها setiap perkara dinilai berdasarkan niat) langsung

tidak diguna pakai dalam penghakiman. Hanya kes-kes harta sepencarian dan hadanah sahaja yang paling banyak mengaplikasikan Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman.

## **THE APPLICATION OF LEGAL MAXIMS IN JUDGMENTS:**

### **A STUDY OF THE *JURNAL HUKUM* (2004-2013)**

#### **ABSTRACT**

This study focuses on the application of Legal Maxims in judgments published in *Jurnal Hukum* (2004-2013). The aim of the study is to explain the concept of Legal Maxims and its role as a submission in Islamic jurisprudence. This study also analyzes the types, accuracy and frequency of Legal Maxims that have been applied in the judgments found in the journal. This study also examines the position and importance of judgment writing in Islamic law. The library research and field study were employed in the current study to collect data. The library research was used to identify the concepts, sources and methods of Legal Maxims as well as the concept of judgment writing. The next method involved interviewing academicians and legal practitioners for the purpose of determining the application of Legal Maxims in judgments and in the practice of judgment writing. The results of the study suggest that Legal Maxims have a major function as a method for deriving rulings and as supporting submissions in dealing with syariah cases. Additionally, the results show that 34 types of Legal Maxims have been applied in judgment, while the application of Legal Maxims by judges in reported cases have achieved the objective of the respective Legal Maxims. The study also discover that the Legal Maxim العادة محكمة ('adat or custom being used as a legal reference) has been used 19 times in comparison to other Legal Maxims. The study also found that in *Jurnal Hukum* (2004-2013) did not applied the Legal Maxim الامور بمقاصدها (every action is evaluated based on intention) in judgment. Matrimonial property and child custody cases shows the highest frequency of Legal Maxims application.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Cabaran zaman dengan kemajuan teknologi, sistem ekonomi yang kompleks, urusan manusia yang makin rancak menyebabkan pelbagai permasalahan baru timbul. Untuk itu, para ulama perlu menguasai pelbagai bidang ilmu *fiqh* dengan lebih meluas untuk memenuhi keperluan masyarakat seperti *fiqh* perbandingan, *fiqh awlawiyāt*, *fiqh* kenegaraan, *fiqh* ekonomi dan sebagainya.

Tambahan lagi, Islam merupakan agama yang sangat mementingkan kesejahteraan dan keselesaan umatnya seperti firman Allah s.w.t:<sup>1</sup>

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ

لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

Maksudnya: Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Oleh itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat.

Justeru, pelbagai kemudahan telah dikurniakan oleh Allah kepada manusia untuk menjamin kelancaran hidup mereka sama ada dalam hubungan dengan Allah serta hubungan sesama makhluk. Maka Islam membuka ruang yang sangat luas bagi umatnya untuk menggunakan nikmat akal fikiran yang telah dikurniakan oleh Allah bagi mengatur kehidupan untuk mencapai kebahagian dunia dan akhirat.

---

<sup>1</sup>Surah al-Hujurat (49): 10.

Justeru, Kaedah *Fiqhiyyah* merupakan rangkuman prinsip yang telah diperakui oleh syarak. Ia dibuat oleh para ulama untuk memudahkan proses merujuk sesuatu masalah *fiqh* kepada prinsip syarak. Di samping itu, Kaedah *Fiqhiyyah* mampu menjadi hujahan dalam perundangan dengan disandarkan kepada nas-nas syarak.

Oleh yang demikian, Kaedah *Fiqhiyyah* mempunyai kepentingan dan peranan dalam membantu hakim-hakim syarie dalam menyelesaikan sesuatu kes yang dikemukakan di Mahkamah Syariah dengan adil dan saksama. Di antara kepentingan aplikasi Kaedah *Fiqhiyyah* dalam menyelesaikan sesuatu kes syariah ialah menjadi hujahan sokongan kepada hakim untuk membuat keputusan, membantu para hakim untuk mengenal pasti isu-isu yang dipertikaikan, membantu hakim dalam memutuskan sesuatu isu yang timbul dalam penghakiman dengan seadil-adilnya, dijadikan sebagai metode *istinbāt* hukum terhadap isu-isu yang tidak mempunyai sumber hukum yang jelas seperti; tuntutan harta sepencarian, membantu hakim dalam mengenal pasti pihak yang perlu dipertanggungjawabkan untuk membuktikan sesuatu isu di Mahkamah Syariah.<sup>2</sup> Tambahan lagi, menguasai Kaedah *Fiqhiyyah* juga dapat membantu memudahkan seseorang untuk mengingati, meneliti dan menguasai hukum hakam *fiqh* yang terlalu banyak dalam ilmu *fiqh*.<sup>3</sup>

Jelaslah di sini bahawa, terdapat satu ciri istimewa dalam syariah Islam iaitu bersifat *muriñah* (fleksibel) dan sesuai dengan setiap zaman yang sentiasa melalui fasa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan. Syariah Islam bukanlah bersifat jumud atau beku sehingga langsung tidak ada ruang kelonggaran atau keringanan

---

<sup>2</sup>Haji Md. Saleh Haji Ahmad, “Prinsip-Prinsip Penghakiman Dalam Perbicaraan Jenayah Menurut Syariah” (Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah Ke-10 Dalam Memperkasa Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah Di Mahkamah Syariah Malaysia, Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 12-13 November 2008), h.8-9.

<sup>3</sup>Mohd Saleh Hj Ahmad (2011), *Pengantar Syari’at Islam*. c. 2, Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 199.

dalam beramal seperti yang difikirkan oleh segerintir manusia. Bahkan hukum hakam Islam juga tidak hanya terikat kepada nas-nas secara textual, literal dan zahir namun harus diselaraskan dengan prinsip dan Kaedah *Fiqhiyyah* bagi mendepani permasalahan umat dan peredaran zaman.

Selain itu, perlu difahami juga bahawa Islam juga bukan sekadar agama yang bersifat ritual semata-mata tetapi merangkumi persoalan urusan kemasyarakatan juga seperti kekeluargaan, pendidikan, ekonomi, perundangan, jihad dan pemerintahan yang mana semua ini mesti diurus dengan penuh kebijaksanaan. Oleh itu, mengaplikasi Kaedah *Fiqhiyyah* bukan bermakna mengenepikan nas-nas al-Quran dan Hadīth tetapi sebaliknya untuk mengurus dan memandu urusan agama dan urusan manusia agar diselaraskan dengan keadaan dan masa demi kemaslahatan umat itu sendiri serta mencapai *maqasid syariah* (tujuan syariah) yang dituntut dalam syarak.

Bagi menetapkan hukum untuk setiap persoalan yang dihadapi oleh umat Islam bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan dan mudah oleh masyarakat. Ini kerana setiap aktiviti yang dilakukan oleh manusia sangat berkait rapat dengan Allah s.w.t. Oleh itu, dalam hal perundangan, penulisan penghakiman merupakan suatu kaedah yang sangat penting untuk menjamin keadilan yang dituntut dalam Islam bagi menjaga kebijakan pihak-pihak yang terlibat dalam penghakiman.

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Kaedah *Fiqhiyyah* merupakan salah satu cabang ilmu yang terpenting dalam perkembangan tamadun ilmu Islam. Kewujudan himpunan Kaedah *Fiqhiyyah* bukanlah untuk memisahkan hukum-hakam Allah s.w.t. Ini kerana Kaedah *Fiqhiyyah* mempunyai pertalian dan kaitan dengan nas al-Quran, Hadīth, Ijmak dan

sumber hukum lain. Walau bagaimanapun, Kaedah *Fiqhiyyah* bukan dihasilkan untuk mengenepikan al-Quran dan Hadīth sebagai sumber rujukan utama. Tetapi sebenarnya Kaedah *Fiqhiyyah* adalah bersumberkan al-Quran dan Hadīth bertujuan memastikan kemudahan kepada ulama dan masyarakat untuk membuat rujukan dan menyelesaikan permasalahan baru.

Para ulama telah berusaha memahami nas-nas syarak dan kemudiannya dijadikan kaedah umum yang boleh dirujuk apabila sesuatu masalah berlaku. Apabila masalah baru berlaku dan mempunyai ‘illah yang sama dengan masalah *furu’* (cabang) yang telah digabung di bawah kaedah umum berkenaan, maka ia akan memudahkan ulama untuk mengetahui hukum kerana persamaan ‘illah akan membawa kepada persamaan hukum. Hal ini menggambarkan seolah-olah kaedah-kaedah tersebut telah menjadi dasar kepada hukum yang dijatuhkan. Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji cuba melihat kepentingan Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman.

Di samping itu, kehidupan masyarakat yang semakin kompleks ini menyebabkan berlaku kes-kes baru yang tidak dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran dan Hadīth serta dalam peruntukan undang-undang. Maka dalam hal ini, pengkaji ingin melihat adakah Kaedah *Fiqhiyyah* telah digunakan secara meluas dalam penghakiman. Hal ini kerana, Hakim Syarie perlu menggunakan pemikiran yang kritis bagi menyelesaikan isu-isu baru tersebut dengan adil dan saksama.

Manakala dalam hal perundangan, kehakiman adalah suatu perkara yang penting bagi masyarakat sama ada masyarakat Islam mahupun bukan Islam. Oleh itu, Islam telah memerintahkan supaya melaksanakan kehakiman. Seperti firman Allah s.w.t:<sup>4</sup>

---

<sup>4</sup>Surah al-Mā’idah (5): 49

وَإِنْ أَحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ

Maksudnya: Hendaklah kamu menghukumkan di antara mereka itu dengan undang-undang yang diturunkan oleh Allah.

Dalam setiap penghakiman perlu adanya keadilan, justeru, dalam menegakkan keadilan dan kesaksamaan ini ia memerlukan kepada kaedah penghakiman yang adil dan saksama, serta pengurusan pentadbiran yang cekap dan sempurna. Oleh itu, pentingnya penghakiman itu ditulis secara menyeluruh dan komprehensif agar keadilan dapat diserahkan dan sumber-sumber serta hujah yang digunakan oleh hakim sehingga menghasilkan keputusan dan hukuman dapat diketahui dengan lebih jelas. Di samping itu, penulisan penghakiman juga perlu agar urusan rayuan di mahkamah yang lebih tinggi dapat diper mudahkan di samping memahami rasional keputusan dibuat atau hukuman dijatuhkan.

## 1.2 Objektif Kajian

Objektif khusus kajian ini dilakukan adalah berasaskan kepada beberapa matlamat berikut;

- i. Untuk mengkaji peranan Kaedah *Fiqhiyyah* sebagai hujahan dalam perundangan Islam.
- ii. Untuk mengkaji kedudukan penulisan penghakiman dalam Islam.
- iii. Untuk menganalisis aplikasi Kaedah-Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman berdasarkan *Jurnal Hukum* dari tahun 2004 hingga tahun 2013.

## 1.3 Kepentingan Kajian

Dewasa ini, pelbagai masalah-masalah baru yang timbul disebabkan banyaknya ragam kehidupan manusia. Dalam abad ini, terdapat banyak kes baru dilaporkan

yang mana isu-isunya tidak pernah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w serta Sahabat Baginda dan hukumnya juga tidak terdapat dalam al-Quran dan Hadīth secara jelas. Walau bagaimanapun perkara ini perlu juga diselesaikan oleh para hakim yang bijaksana yang mana ianya perlu kepada penggunaan Kaedah *Fiqhiyyah* dalam mengikut kesesuaian masalah tersebut.

Oleh itu, pentingnya kajian ini dijalankan adalah untuk memberi penjelasan yang lebih mendalam tentang peranan Kaedah *Fiqhiyyah* sebagai hujahan dalam perundangan. Di samping itu, bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap penghayatan Kaedah *Fiqhiyyah* serta dapat mengetahui hukum daripada masalah-masalah yang tidak terdapat dalam al-Quran dan Hadīth. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pengamal undang-undang, pelajar dan juga masyarakat tentang peranan Kaedah *Fiqhiyyah* dan pengaplikasiannya dalam penghakiman.

Selain daripada perbincangan tentang Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman, penulisan penghakiman juga turut disentuh untuk melihat sejauh manakah peranannya dalam institusi kehakiman Islam. Hal ini kerana, penulisan penghakiman telah bermula sejak zaman khalifah ‘Umayyah dan terus berkembang sehingga kini sehinggalah mempunyai disiplin penulisan yang khusus. Di samping itu juga, kajian mengenai penulisan penghakiman ini penting untuk mendedahkan kepada pihak yang terlibat tentang kepentingan pengamalannya bagi mencapai keadilan kepada semua pihak.

#### **1.4 Definisi Operasional**

**Kaedah** :Menurut al-Raghīb al-Asfahānī dalam *al-Mufradat fī Gharīb al-Qur'an*, kaedah dari segi bahasa ialah asas dan ia merupakan asas sesuatu dan

asalnya. Kaedah juga adalah usul bagi sesuatu perkara sama ada berbentuk *hissi* iaitu dapat dilihat dan disentuh oleh pancaindera seperti aras rumah atau *ma'awiyy* seperti aras agama iaitu sesuatu yang dicapai melalui pemikiran.<sup>5</sup> Selain itu kaedah juga boleh dikatakan sebagai setiap yang dijadikan dasar oleh sesuatu.<sup>6</sup> Dari segi istilah kaedah ialah hukum serta perkara *kullī* yang dipraktikkan terhadap semua masalah *juz'ī* atau bahagian-bahagiannya.<sup>7</sup> Selain itu, kaedah menurut istilah juga ialah suatu *qadiyyah* (*maxim*) yang menyeluruh ditetapkan atau terpakai ke atas keseluruhan pecahannya.<sup>8</sup> Manakala menurut Kamus Dewan pula, kaedah bermaksud cara atau peraturan yang membuat sesuatu.<sup>9</sup>

**Fiqh** :*Fiqh* dari segi bahasa ialah memikirkan sesuatu, mempelajarinya dan memahaminya.<sup>10</sup> Manakala lafaz atau perkataan “*fiqh*” dalam bahasa Arab membawa maksud kefahaman, keilmuan, kepintaran dan kebijaksanaan.<sup>11</sup> Menurut istilah pula *fiqh* ialah mengetahui hukum-hukum amali dalam syariat yang diambil daripada dalil-dalilnya secara terperinci.<sup>12</sup>

**Kaedah *Fiqhiyyah*** :Lafaz *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* adalah hukum bagi kebanyakan permasalahan *fiqh* dan bukan hukum bagi keseluruhan masalah *fiqh*.<sup>13</sup> Selain itu, definisi *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* yang diberikan oleh para *fuqaha* ialah hukum

<sup>5</sup>al-Raghīb al-Asfahānī (t.t.) *al-Mufradat fī Ghārīb al-Qur'an*. j. 1, T.T.P: Maktabah Nazār Mustafā al-Bāz, h. 529.

<sup>6</sup>Muhammad Rawwās al-Qalahjīyy dan Hamid Sadīq Qunaybīyy (1985), *Mu'jam Lughat al-Fuqahā'*. Beirut: Dār al-Nafāis, h. 354.

<sup>7</sup>Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān Ibnu Bakr al-Suyūtī (1998), *al-Asybāh wa al-Nazā'ir*. c. 4, Kaherah: Dār al-Kutub al-'Arabi, h. 11.

<sup>8</sup>Muhammad Sidqī Ibnu Ahmad al-Burnū Abū al-Hārith al-Ghazzī (2003), *Mawsū'ah al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. j. 1, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 22. Siti Zalikhah Haji Md. Nor (1999), “Kaedah-kaedah Fiqh dalam Perundangan Islam”. *al-Syariah Konsep dan Perundangan Islam*. j. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 67.

<sup>9</sup>Kamus Dewan Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 653.

<sup>10</sup>Ibn Manzūr, Abī al-Fadl Jamāl al-Dīn Muhammad Mukarram (1990), *Lisān al'Arab*. j. 13, Beirut: Dār al-Sādir, h. 522.

<sup>11</sup>Ibrāhīm Mustafā, et al, (t.t.), *al-Mu'jam al-Wasīt*. Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah, h. 698.

<sup>12</sup>Al-Baydāwī, al-Qādī (t.t.), *Minhāj al-Wasūl ilā 'Ilm al-Usūl*. j. 1, Beirut: Dār al-Kulliyāt al-Azhariyyah, h. 28.

<sup>13</sup>Ahmad Ibnu Muhammad al-Hanafī al-Hamawī, *Ghamzu 'Uyūn al-Basā'ir*. j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 51.

kebanyakan yang terpakai ke atas kebanyakan permasalahan-permasalahan *fiqh* untuk mengetahui hukumnya berdasarkan kaedah tersebut.<sup>14</sup>

**Penghakiman:** Menurut Kamus Dewan, penghakiman membawa maksud perbuatan seseorang dalam menghakimi.<sup>15</sup> Antara lain juga ialah usaha menyelesaikan kewajiban di antara manusia dalam pergeseran bagi mengelak permusuhan dan memutuskan perhubungan, ianya dilakukan dengan bukti-bukti syarak.<sup>16</sup> Selain itu, penghakiman juga turut mencakupi alasan penghakiman.<sup>17</sup> Hal ini kerana menurut ‘Ala al-Dīn Al-Tarābulusī penghakiman ialah penerangan terhadap hukum syarak secara ilzam yang diputuskan oleh seseorang Kadi atau Hakim.<sup>18</sup> Selain itu, ia juga bermaksud keputusan mengenai hukum tersebut wajib dipatuhi oleh pihak-pihak yang bertelingkah dan dilaksanakan oleh pemerintah.<sup>19</sup>

**Jurnal Hukum :** Jurnal menurut Kamus Dewan ialah terbitan atau majalah berkala yang khusus bagi sesuatu perkara, profesion atau bidang tertentu.<sup>20</sup> *Jurnal Hukum* merupakan satu-satunya jurnal mengandungi kes-kes yang dilaporkan di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum* mula diterbitkan pada tahun 1980 oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS) bermula daripada Jilid 1 Bahagian I dan II sehingga Jilid 16 Bahagian II. Kemudiaannya, pengurusan terbitan *Jurnal Hukum* telah berpindah tangan sepenuhnya kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada tahun 2004 dan terus menerbitkan *Jurnal Hukum* mulai Jilid ke 17

<sup>14</sup> Alī Ahmad al-Nadwi (1994), *al-Qawā'id Fiqhiyyah*. Damsyik: Dār al-Qalām h. 22.

<sup>15</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, *op.cit*, h. 501.

<sup>16</sup> Ahmad Shalaby (2003), *Sistem Kehakiman dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h. 35.

<sup>17</sup> Mohd Daud Bakar (2001), “Hukum Islam: Antara Prinsip Syariah dan Perbendaharaan *Fiqh*”, dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj. Azahari (ed.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*. c. 2, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 29.

<sup>18</sup> Ala al-Dīn Al-Tarābulusī (1973), *Mu'tin al-Hukkām fīmā Yataraddad baina al-Khasmayn Min al-Ahkām*. Kaherah: Maktabah Muṣṭāfa al-Babī al-Halabī, h. 7.

<sup>19</sup> Ahmad Hidayat Buang (2008), “Penulisan Teks Penghakiman dalam Perundangan Islam” dalam Ruzman Md. Noor (ed.) *Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 1.

<sup>20</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, *op.cit*, h. 644.

Bahagian I dan kini telah menjangkau Jilid ke 37 Bahagian II. Keseluruhan *Jurnal Hukum* setakat ini telah mencecah sebanyak 74 jilid. Isi Kandungan *Jurnal Hukum* adalah merupakan laporan kes-kes Mahkamah Syariah berserta alasan penghakimannya. Di samping itu, dalam kandungan *Jurnal Hukum* terdapat juga rencana berkaitan undang-undang Islam sama ada isu-isu hukum, kontemporari dan isu-isu semasa.<sup>21</sup>

**Kaedah *Fiqhiyyah* dalam Penghakiman:** Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman bermaksud penggunaan Kaedah *Fiqhiyyah* sebagai salah satu sumber perundangan dalam memutuskan sesuatu kes di Mahkamah Syariah yang merangkumi pelbagai permasalahan dan isu yang diputuskan oleh mahkamah. Hakim-hakim Syarie telah menggunakan Kaedah *Fiqhiyyah* sebagai hujahan serta membantu dalam membuat keputusan dan penghakiman.

### **1.5 Kajian Lepas**

Sebelum meneruskan penulisan kajian, pengkaji telah melakukan sorotan kepustakaan terlebih dahulu. Pengkaji mendapati telah wujud kajian-kajian berkenaan dengan konsep Kaedah *Fiqhiyyah*, aplikasi Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman, aplikasi Kaedah *Fiqhiyyah* terhadap isu-isu semasa dan *Jurnal Hukum*. Walau bagaimanapun, sepanjang penyelidikan pengkaji, masih belum menemui kajian berkenaan aplikasi Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman: kajian terhadap *Jurnal Hukum* dari tahun 2004 hingga tahun 2013. Pengkaji telah memecahkan pencarian kajian lepas kepada tiga tema utama iaitu; tema Kaedah *Fiqhiyyah*, Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman dan *Jurnal Hukum*.

---

<sup>21</sup>Azmee Hj Hussin, (Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia) dalam temu bual dengan penulis, 4 April 2014.

Antara kajian-kajian lepas yang termasuk dalam tema pertama iaitu Kaedah *Fiqhiyyah* ialah kajian yang dilakukan oleh Rohani Binti Desa yang bertajuk **Aplikasi Kaedah *al-Darurah* dalam Perkhidmatan Kesihatan Di Malaysia.**<sup>22</sup> Kajian ini hanya memfokuskan kepada satu kaerah sahaja iaitu kaerah *al-Darurah* dan hubungannya dengan konsep *Jalb al-Maslalah* dan *Daf'ul al-Madarrah* di samping mengenal pasti aplikasi Kaedah *Fiqhiyyah* yang mengandungi elemen *al-Darurah* dalam perkhidmatan kesihatan dan undang-undang dan dasar yang diguna pakai Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengkaji tersebut telah menilai ketepatan undang-undang dan dasar yang diguna pakai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Kaedah *Fiqhiyyah* yang mengandungi elemen *al-Darurah* iaitu kaerah *al-Masyaqqah Tajlīb al-Taysīr* dan *al-Darar Yuzāl*. Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji tersebut telah menggunakan dua bentuk penyelidikan iaitu kepustakaan dan lapangan. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa sebahagian besar amalan dalam perkhidmatan kesihatan di Malaysia berdasarkan undang-undang dan dasar yang diguna pakai Kementerian Kesihatan Malaysia adalah bertepatan dengan kaerah *al-Darurah*. Didapati, kajian tersebut hanya tertumpu kepada Kaedah *Fiqhiyyah* yang berkaitan dengan prinsip *darurah* sahaja serta perbincangannya hanya khusus kepada undang-undang dan dasar yang diguna pakai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Seterusnya, kajian oleh Zubir berkenaan **Sumber Perundangan Islam Dan Kaedah *Fiqh* Serta Hubungan Kedua-duanya dalam Menyelesaikan Beberapa Persoalan Semasa.**<sup>23</sup> Tesis ini bertujuan untuk melihat asas perkembangan *fiqh* dan bagaimana Kaedah *Fiqhiyyah* memainkan peranannya dalam menyelesaikan

---

<sup>22</sup>Kajian Rohani Binti Desa (2012), “Aplikasi Kaedah *al-Darurah* Dalam Perkhidmatan Kesihatan Di Malaysia”, (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.)

<sup>23</sup>Kajian Zubir (2008), “Sumber Perundangan Islam Dan Kaedah *Fiqh* Serta Hubungan Kedua-duanya Dalam Menyelesaikan Beberapa Persoalan Semasa”, (Disertasi Ijazah Sarjana Sastera, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.)

persoalan semasa. Untuk mencapai tujuan ini penyelidikan ini dilakukan berdasarkan kajian kepustakaan sahaja. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa walaupun Kaedah *Fiqhiyyah* tidak boleh dijadikan sebagai sumber seperti al-Quran dan Hadīth namun ia sangat penting untuk dijadikan panduan oleh para mujtahid bagi memastikan perkembangan *fiqh* tidak terpesong dari landasan syariat Islam. Didapati kajian tersebut hanya membincangkan mengenai Kaedah *Fiqhiyyah* dalam konteks semasa dan tempat yang mana ia dilihat dari sudut perubahan zaman, perubahan ‘urf dan kemaslahatan.

Kajian berikutnya, Norzulaili Binti Mohd Ghazali yang bertajuk **Aplikasi Beberapa Kaedah *Fiqh* dalam Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia: Satu Kajian dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 1987**.<sup>24</sup> Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui setakat mana penggubal Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam memberi perhatian kepada *fiqh* semasa dalam menetapkan sebarang syarat, peraturan maupun prosedur dalam Enakmen. Kajian ini menggunakan metode kepustakaan. Hasil dari kajian yang dijalankan mendapati bahawa isi kandungan Enakmen tidak bertentangan dengan ketetapan syarak bahkan ia selari dengan beberapa Kaedah *Fiqhiyyah* antaranya *al-Umūr bi Maqāsidihā*, *al-'ādah Muakkamah*, *al-Darar Yuzāl*, *al-Darar Yuzāl bi Qadr al-Imkān dan Tasarruf al-Imām 'ala al-Ra'iyyah Manūt bi al-Maslahah*. Didapati pengkaji tersebut sememangnya telah membincangkan mengenai Kaedah *Fiqhiyyah* secara teori namun skop analisis hanya dilakukan terhadap Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang sahaja.

Berikutnya, Ab Rahman Bin Ismail kajian mengenai **Aplikasi Kaedah *Fiqh Mā Lā Yudrak Kulluh Lā Yutrak Julluh* dalam Mengklasifikasi Saham-Saham**

---

<sup>24</sup>Kajian Norzulaili Mohd Ghazali (2004), “Aplikasi Beberapa Kaedah *Fiqh* Dalam Undang-Undang Keluarga Islam Malaysia: Satu Kajian Dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 1987”, (Disertasi Ijazah Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia.)

**Patuh Syariah Di Bursa Malaysia.**<sup>25</sup> Objektif kajian pengkaji tersebut ialah untuk mengetahui penggunaan Kaedah *Fiqhiyyah* "apa yang tidak dapat dilakukan semuanya tidak semestinya ditinggalkan semuanya" terhadap saham-saham patuh syariah serta mengkaji apakah hujah yang digunakan oleh Majlis Pengawasan Syariah Suruhanjaya Sekuriti dalam mengklasifikasikan setiap sekuriti yang tersenarai sebagai patuh Syariah atau sebaliknya. Selain itu ianya juga membincangkan tentang transaksi perniagaan saham dari kaca mata Islam. Metode kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah metode kepustakaan dan lapangan. Hasil dari kajian menunjukkan bahawa syarikat bercampur adalah diharuskan jika memenuhi kriteria yang ditetapkan. Kaedah *Fiqhiyyah* "apa yang tidak dapat dilakukan semuanya tidak semestinya ditinggalkan semuanya" boleh diaplifikasi dalam mengklasifikasi syarikat bercampur antara unsur halal dan haram jika memenuhi syarat yang ditetapkan. Pengkaji tersebut juga turut mendapati bahawa tidak semua aktiviti transaksi saham di Bursa Malaysia menepati kehendak syarak. Didapati, pengkaji tersebut hanya membincangkan dengan khusus satu sahaja Kaedah *Fiqhiyyah* iaitu *Mā Lā Yudrak Kulluh Lā Yutrak Julluh* dan penggunaannya dalam saham-saham patuh Syariah.

Seterusnya kajian oleh Anwar Fakhri Omar yang bertajuk **Kaedah *Fiqhiyyah* dan Hubung kaitnya Dengan Permasalahan *Fiqh* Semasa.**<sup>26</sup> Kajian ini bertujuan untuk mengetahui setakat mana hubung kait yang terdapat di antara Kaedah *Fiqhiyyah* dengan permasalahan semasa yang sentiasa dialami dan dihadapi oleh umat Islam. Metode kepustakaan telah digunakan dalam menyiapkan kajian ini dan hasil yang diperolehi menunjukkan Kaedah *Fiqhiyyah* hanya boleh dijadikan sebagai

<sup>25</sup>Ab Rahman Ismail (2007), “Aplikasi Kaedah *Fiqh Mā Lā Yudrak Kulluh Lā Yutrak Julluh* Dalam Mengklasifikasi Saham-Saham Patuh Syariah Di Bursa Malaysia”, (Disertasi Ijazah Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia.)

<sup>26</sup>Anwar Fakhri Omar (1999), “Kaedah *Fiqhiyyah* dan Hubungkaitnya Dengan Permasalahan *Fiqh* Semasa” (Disertasi Ijazah Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.)

sumber atau sandaran langsung bagi sesuatu permasalahan *fiqh* sekiranya kaedah itu adalah berasal daripada sumber-sumber perundangan atau syariat yang diperakui oleh para ulama secara sepakat seperti al-Quran, Hadīth, Ijmāk dan al-Qiyās, ataupun daripada sumber perundangan yang berlaku khilaf di kalangan ulama terhadapnya, seperti *al-Istihsān*, *al-Masālih al-Mursalah*, *al-'Urf*, *Madhhab al-sahābi*, *al-Istishāb*, *Sadd al-Dharā'i'* dan sebagainya. Didapati, pengkaji tersebut telah membincangkan kelima-lima Kaedah *Fiqhiyyah* tetapi fokus analisis hanya kepada permasalahan *fiqh* semasa antaranya merokok, menderma darah, ibu tumpang, pemindahan anggota badan manusia.

Selanjutnya, kajian oleh Mohd Asri Bin Yaacob bertajuk **Hubung kait Antara Konsep *Ihtiyat* Dan Kaedah *Fiqh Idhā Dāqa al-Amr Ittassa'* Dari Perspektif Mazhab Syafie dalam Permasalahan Ibadat.<sup>27</sup>** Objektif kajian ini adalah melihat kepada hubung kait antara konsep *ihtiyat* dan Kaedah *Fiqh Idhā Dāqa al-Amr Ittassa'* dalam mazhab al-Syāfi'ī di samping mengenal pasti penerapan konsep *ihtiyat* dan Kaedah *Fiqh Idhā Dāqa al-Amr Ittassa'* dalam permasalahan ibadat berdasarkan mazhab al-Syāfi'ī. Pengkaji tersebut telah menggunakan metode pengumpulan data secara kepustakaan sepenuhnya. Hasil yang diperolehi menunjukkan terdapat hubung kait di antara konsep *ihtiyat* dan Kaedah *Fiqh Idhā Dāqa al-Amr Ittassa'* yang telah diaplikasikan oleh para ulama mazhab al-Syāfi'ī seperti hubung kait dari aspek penentuan hukum, aspek matlamat dan tujuan. Didapati kajian ini tidak membincangkan konsep Kaedah *Fiqhiyyah* secara keseluruhan tapi hanya ditumpukan pada satu jenis kaedah sahaja dan perbincangan berkisar dalam bab ibadah.

---

<sup>27</sup>Kajian Mohd Asri Yaacob (2013), “ Hubungkait Antara Konsep *Ihtiyat* Dan Kaedah *Fiqh Idhā Dāqa al-Amr Ittassa'* Dari Perspektif Mazhab Syafie Dalam Permasalahan Ibadat”, (Disertasi Ijazah Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.)

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Nor Hayati Binti Md Dahlal yang bertajuk **Penilaian Terhadap Pengurusan Wakaf Di Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) Berdasarkan Kaedah *Tasarruf al-Imām ‘Ala al-Ra‘iyah Manūt Bi al-Maslahah***<sup>28</sup> yang memfokuskan kepada pengurusan dan pentadbiran harta wakaf dalam Islam juga masalah-masalah yang berbangkit dalam mengurus serta membangunkan harta wakaf di MAIK serta mencadangkan penyelesaian melalui penilaian berdasarkan kaedah *Tasarruf al-Imām ‘ala al-Ra‘iyah Manūt bi al-Maslahah*. Metode pengumpulan data yang digunakan ialah metode kepustakaan, observasi dan temu bual. Hasil yang didapati menunjukkan bahawa pelantikan MAIK sebagai pemegang amanah bertepatan dengan kaedah *Tasarruf al-Imām ‘ala al-Ra‘iyah Manūt bi al-Maslahah* dalam kerangka menjaga kemaslahatan masyarakat Islam. Didapati kajian ini telah membincangkan kaedah *Tasarruf al-Imām ‘ala al-Ra‘iyah Manūt bi al-Maslahah* dengan terperinci di samping mengkaji ketepatan pemakaian kaedah ini dalam hal pemegang amanah berkaitan wakaf.

Selain daripada tesis-tesis di atas, terdapat beberapa buku yang turut membincangkan mengenai Kaedah *Fiqhiyyah* antaranya; Muhammad ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-Salam (660H), kitab yang berjudul *Qawā'id al-Ahkām fī Masālih al-Anām*,<sup>29</sup> Shīhab al-Dīn Abi al-‘Abbās Ibn Idrīs Al-Qarāfi mengarang kitab *al-Furūq*<sup>30</sup> dan *al-Asybāh wa al-Nazā'ir* yang dinamakan kepada beberapa kitab oleh Ibn Nujaym,<sup>31</sup> Tāj al-Dīn al-Subkī<sup>32</sup> dan al-Suyūtī,<sup>33</sup> *Majallah al-Ahkām al-*

<sup>28</sup>Kajian Nor Hayati Binti Md Dahlal (2014), “ Penilaian Terhadap Pengurusan Wakaf Di Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) Berdasarkan Kaedah *Tasarruf al-Imām ‘Ala al-Ra‘iyah Manūt Bi al-Maslahah*”, (Disertasi Ijazah Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.)

<sup>29</sup>Muṣṭafa Ahmad al-Zarqā' (2001), *Syarḥ Qawā'id al-Fiqhiyyah*. c. 2, Damsyik: Dār al-Qalām, h. 42. Muhammad ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-Salām, (t.t.), *Qawā'id al-Ahkām fī Masālih al-Anām*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

<sup>30</sup>Al-Qarāfi Shīhab al-Dīn Ahmad ibn Idrīs ibn Abd Rahman al-Sanhajī (2007), *Kitāb al-Furūq: Anwār al-Furūq fī Anwār al-Furūq*. j. 1, c. 2, Kaherah: Dār al-Salam, h. 71.

<sup>31</sup>Zayn al-‘Ābidīn Ibn Ibrāhīm Ibn Nujaym (1968), *al-Asybāh wa al-Nazā'ir 'ala Madhhab Abi Hanifah al-Nu'man*. Kaherah: Muassasah al-Halabī.

‘*Adliyyah*.<sup>34</sup> Berdasarkan bacaan pengkaji, kesemua kitab-kitab ini memfokuskan perbincangan mengenai sumber, dan kehujahan setiap Kaedah *Fiqhiyyah* secara terperinci di samping menunjukkan contoh-contoh aplikasi kaedah-kaedah tersebut dalam pelbagai aspek seperti ibadat, *munākahāt*, *mua’malāt* dan *jināyāt*. Walau bagaimanapun kupasan mengenai Kaedah *Fiqhiyyah* khususnya dalam penghakiman kurang dijelaskan dan hanya bersifat umum.

Selain daripada tesis dan buku, terdapat juga artikel yang turut membincangkan mengenai Kaedah *Fiqhiyyah*. Artikel yang ditulis oleh Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias berkenaan **Aspek-Aspek Pemikiran Kritis dalam al-Qawā'id al-Fiqhiyyah**.<sup>35</sup> Perbincangan dalam artikel ini menyentuh beberapa elemen pemikiran kritis seperti kemahiran menganalisis, kemahiran membuat penilaian, berfikir secara objektif, pragmatik, konsisten dan beretika serta lain-lain ciri yang terkandung di dalam lima kaedah utama *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Aplikasi pemikiran kritis yang terkandung di dalam kaedah-kaedah ini banyak membantu umat Islam dalam menyelesaikan permasalahan hukum yang berlaku dalam masyarakat Islam di sepanjang zaman. Justeru, tidak menjadi kesalahan kepada umat Islam untuk menerima beberapa idea pemikiran kritis berdasarkan huraian para sarjana barat, asalkan ia tidak bertentangan dengan falsafah ajaran Islam. Berdasarkan artikel ini pengkaji berpendapat bahawa perbincangan isinya adalah mengenai keistimewaan Kaedah *Fiqhiyyah* yang mampu menjadikan umat Islam mempunyai pemikiran secara kritis dalam menghadapi masalah-masalah baru dalam kehidupan.

---

<sup>32</sup>Tāj al-Dīn al-Subkī (t.t.), *al-Asybāh wa al-Nazā'ir*. j. 1, Kaherah: Dār al-Kutub al-'Arabiyy

<sup>33</sup>Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān Ibnu Abī Bakr al-Suyūṭī (1983), *al-Asybāh wa al-Nazā'ir fi Qawā'id wa furu' al-Syāfi'iyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

<sup>34</sup>*Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah*. (1968).

<sup>35</sup>Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias (2010), “Aspek-Aspek Pemikiran Kritis dalam *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*”, *Jurnal Syariah*, j. 18, Bil. 3.

Artikel seterusnya berkaitan **Pengaplikasian Kaedah *Fiqh* dalam Isu Perubatan<sup>36</sup>** yang ditulis oleh Abdul Manan Ismail. Pengkaji tersebut telah membincangkan mengenai Kaedah *Fiqhiyyah* yang sesuai diaplikasikan dalam isu perubatan sebagai contoh isu rawatan lelaki terhadap perempuan dan sebaliknya boleh menggunakan kaedah *الضرر يزال، الضرورات تبيح المحظورات، اذا ضاق الأمر اتسع* bedah siasat mayat boleh menggunakan kaedah *أعظمهما ضررا* *يختار أهون الشررين*, *بارتكاب أخفهما تصرف الإمام*. *على الرعية منوط بالمصلحة، الضرر لا يزال بالضرر*. Berdasarkan penelitian pengkaji, artikel ini hanya menyentuh Kaedah *Fiqhiyyah* yang berkaitan dengan tiga isu perubatan sahaja dan tidak membincangkan dengan mendalam tentang Kaedah *Fiqhiyyah* yang disebut.

Seterusnya artikel yang ditulis oleh Abdul Manan Ismail yang bertajuk **Kaedah-Kaedah *Fiqh*: Satu Pengenalan Ringkas<sup>37</sup>** membincangkan mengenai konsep Kaedah *Fiqhiyyah* yang menyentuh lima asas Kaedah *Fiqhiyyah* berserta beberapa cabangnya. Selain itu, pengkaji tersebut juga menyebut berkaitan penulisan Kaedah *Fiqhiyyah* yang menjadi rujukan bagi setiap mazhab seperti mazhab Hanafī, mazhab Mālikī, mazhab Syāfi’ī, mazhab Hanbālī.

Selanjutnya, artikel yang ditulis oleh Nora’inan Binti Bahari bertajuk **Aplikasi Konsep *al-Darar Yuzāl* dalam Hukum Kekeluargaan Islam.<sup>38</sup>** Perbincangan artikel ini menjurus kepada kaedah *al-Darar Yuzāl* dalam aspek layanan terhadap isteri dalam perkahwinan poligami, nusyuz atau tidak bertanggungjawab, talak atau perceraian dengan lafaz talak atau seumpamanya,

<sup>36</sup>Abdul Manan Ismail (2005), “Pengaplikasian Kaedah *Fiqh* Dalam Isu Perubatan”, **Diskusi Syariah dan Undang-Undang, Siri 2**.

<sup>37</sup>Abdul Manan Ismail (2005), “Kaedah-Kaedah *Fiqh*: Satu Pengenalan Ringkas”, **Kajian Syariah dan Undang-Undang, Siri 2**.

<sup>38</sup>Nora’inan Binti Bahari (2008), “Aplikasi Konsep *al-Darar Yuzāl* dalam Hukum Kekeluargaan Islam”, Jurnal Pengajian Islam, Bil. 3.

khuluk atau tebus talak, fasakh atau pembatalan perkahwinan menerusi dikri kehakiman dan nafkah. Menurut pengkaji tersebut, penggunaan kaedah ini meliputi segala aspek hukum dalam kekeluargaan yang meliputi aspek-aspek sebelum, semasa dan selepas perkahwinan. Selain itu, konsep ini turut digunakan sama ada sebagai hukum asal yang bertujuan untuk mengelakkan *darar* seperti kebenaran untuk melihat wanita yang hendak dipinang dan juga sebagai menjawab persoalan-persoalan yang berkaitan dengan sesuatu hukum asal seperti tuntutan nafkah kepada suami yang hilang.

Terdapat juga kajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda berkenaan Kaedah *Fiqhiyyah* seperti kajian Nur Basyirah Binti Zainol yang bertajuk **Analisis Penggunaan Kaedah *Fiqhiyyah* dalam Isu Syariah Sosial: Kajian Terhadap Laman Web E-Fatwa JAKIM.<sup>39</sup>** Kajian ini menekankan berkenaan penggunaan sumber hukum iaitu Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penentuan hukum Islam oleh para ulama khususnya yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan juga penggunaanya pada masa lampau. Kajian ini dilakukan terhadap fatwa dalam isu syariah sosial daripada tahun 2009 sehingga 2013 sahaja. Kajian ini menggunakan metodologi pengumpulan data melalui kepustakaan dan dokumentasi. Hasil daripada analisis ini dapat diketahui bahawa Kaedah *Fiqhiyyah* telah digunakan dalam penentuan hukum dalam konteks institusi fatwa kebangsaan di Malaysia. Didapati pengkaji tersebut hanya memfokuskan kajian mengenai analisis fatwa kebangsaan yang menggunakan Kaedah *Fiqhiyyah* sebagai sandaran hukum dalam menyelesaikan isu syariah sosial.

---

<sup>39</sup>Kajian Nur Basyirah Binti Zainol (2013), “Analisis Penggunaan Kaedah *Fiqhiyyah* Dalam Isu Syariah Sosial: Kajian Terhadap Laman Web E-Fatwa JAKIM”, (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.)

Selanjutnya, kajian yang berada dalam lingkungan tema kedua iaitu Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman oleh Siti Umairah Binti Ahmordan, kajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang bertajuk **Pemakaian Maxim Perundangan Islam dalam Penghakiman: Kajian dalam Jurnal Hukum Dari Tahun 2008 Hingga Tahun 2010.**<sup>40</sup> Tujuan kajian ini untuk menilai sejauh mana terdapatnya pengaplikasian Kaedah *Fiqhiyyah* atau maxim perundangan Islam ini dalam penghakiman di Mahkamah Syariah di Malaysia di samping penerangan berkenaan lima Kaedah *Fiqhiyyah* yang asas. Pengkaji tersebut telah menggunakan metodologi pengumpulan data secara kepustakaan sahaja dengan melihat buku, jurnal, artikel dan lain-lain. Hasil daripada kajian mendapati bahawa *Legal Maxim* ini sangat membantu para hakim dalam mengadili sesuatu kes terutamanya kes yang melibatkan hukum adat seperti kes harta sepencarian. Walaupun tajuk kajian di atas adalah menyamai dengan tajuk kajian pengkaji tetapi perbincangan yang dilakukan adalah terlalu ringkas dan tidak mendalam iaitu hanya mengeluarkan kembali Kaedah *Fiqhiyyah* yang diaplikasikan dalam penghakiman tanpa dilakukan sebarang huraihan berkenaan kaedah tersebut. Di samping itu, skop kajian pengkaji tersebut hanya menggunakan tiga tahun penerbitan *Jurnal Hukum* sahaja dan penganalisaan kes hanya secara ringkas. Tambahan lagi, metode pengumpulan data secara kepustakaan sahaja yang digunakan dalam mencapai objektif kajian tersebut. Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji di mana pengkaji telah mengkaji Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman secara terperinci di samping menghuraikan ketepatan penggunaannya dengan isu yang dibicarakan.

---

<sup>40</sup>Kajian Siti Umairah Binti Ahmordan (2010), “Pemakaian Maxim Perundangan Islam Dalam Penghakiman: Kajian Dalam *Jurnal Hukum* Dari Tahun 2008 Hingga Tahun 2010”, (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.)

Selain dari latihan ilmiah di atas, terdapat artikel yang bertajuk **Kaedah-Kaedah Fiqh dalam Perundangan Islam**<sup>41</sup> yang ditulis oleh Siti Zalikhah Haji Md. Nor. Artikel ini membincangkan mengenai sejarah perkembangan ilmu Kaedah *Fiqhiyyah* secara ringkas di samping menyentuh mengenai lima Kaedah *Fiqhiyyah* yang utama berserta contoh tapi tidak secara mendalam. Selain itu, artikel ini juga menjelaskan secara ringkas menganai perbezaan Kaedah *Fiqhiyyah* dengan *Dawabit Fiqh, Nazariyyah Fiqh* dan Kaedah *Usūliyyah*.

Selanjutnya, kertas kerja berkenaan **Prinsip-Prinsip Penghakiman dalam Perbicaraan Jenayah Menurut Syariah** oleh Haji Md. Saleh Bin Haji Ahmad<sup>42</sup> yang dibentangkan dalam Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah ke-10 dalam memperkasa pentadbiran keadilan jenayah syariah di Mahkamah Syariah Malaysia. Kertas kerja ini membincangkan mengenai jenis-jenis kesalahan jenayah dalam syariah seperti berzina, qazaf (menuduh orang berzina), mencuri, merompak, minum arak, murtad, pemberontak berserta dalil-dalil yang berkaitan. Selain itu, kertas kerja ini juga menyentuh berkenaan Kaedah *Fiqhiyyah* yang berkait dengan penghakiman dalam syariat Islam di samping menjelaskan kaedah-kaedah tersebut bersama isu-isu jenayah.

Seterusnya, kajian yang termasuk dalam tema ketiga iaitu *Jurnal Hukum*, namun pengkaji mendapati bahawa hanya terdapat beberapa kajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja. Selain itu, kesemua kajian ini mengkaji berkaitan kes dalam *Jurnal Hukum* tetapi tidak menyentuh berkenaan Kaedah *Fiqhiyyah*. Antara tajuk kajian yang diketengahkan ialah **Nusyuz Terhadap Isteri: Analisis**

<sup>41</sup>Siti Zalikhah Haji Md. Nor (1999), “Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Perundangan Islam”. Al-Syariah Konsep dan Perundangan Islam. j. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>42</sup>Haji Md. Saleh Haji Ahmad, “Prinsip-Prinsip Penghakiman Dalam Perbicaraan Jenayah Menurut Syariah” (Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah ke-10 Dalam Memperkasa Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah Di Mahkamah Syariah Malaysia, Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 12-13 November 2008)

**Penghakiman Kes dalam Jurnal Hukum** yang ditulis oleh Rosmaza Binti Mohamad Tajudin,<sup>43</sup> **Penghakiman Hakim dalam Menentukan Kadar Mut’ah: Kajian Kes dalam Jurnal Hukum Tahun 2000-2011** oleh Khairunnasuhu Binti Salleh,<sup>44</sup> **Takat Agihan Harta Sepencarian: Kajian Kes dalam Jurnal Hukum Tahun 2007-2011** oleh Wan Nor Syazwana binti Wan Abd Rahim,<sup>45</sup> **Harta Sepencarian: Analisis Terhadap Penghakiman Kes Di dalam Jurnal Hukum Tahun 2001-2005** oleh Salmiza bt Mohamed Nor<sup>46</sup> dan **Qarinah Sebagai Keterangan dalam Kes-Kes Mal Di Mahkamah Syariah: Analisis Terhadap Laporan-Laporan Kes dalam Jurnal Hukum 2000-2004** kajian oleh Tuan Khairul Efeenddy Bin Tuan Wil.<sup>47</sup>

Kesimpulannya, terdapat banyak kajian mengenai Kaedah *Fiqhiyyah* dan terdapat tajuk yang menyerupai tajuk pengkaji. Namun kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu adalah terlalu ringkas dan perbincangan skop yang berbeza. Justeru, kajian ini merupakan kajian yang membincangkan Kaedah *Fiqhiyyah* secara khusus dalam penghakiman di samping sebagai kajian lanjutan kepada kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu dan dilakukan analisis dengan lebih terperinci serta diharap menjadi perintis untuk kajian selanjutnya.

---

<sup>43</sup>Kajian Rosmaza Binti Mohamad Tajudin (2013), “ Nusyuz Terhadap Isteri: Analisis Penghakiman Kes Dalam *Jurnal Hukum*”, (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.)

<sup>44</sup>Kajian Khairunnasuhu Binti Salleh (2013), “ Penghakiman Hakim Dalam Menentukan Kadar Mut’ah: Kajian Kes Dalam *Jurnal Hukum* Tahun 2000-2011”, (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.)

<sup>45</sup>Kajian Wan Nor Syazwana Binti Wan Abd Rahim (2013), “ Takat Agihan Harta Sepencarian: Kajian Kes Dalam *Jurnal Hukum* Tahun 2007-2011”, (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.)

<sup>46</sup>Kajian Salmiza bt Mohamed Nor (2008), “ Harta Sepencarian: Analisis Terhadap Penghakiman Kes Di Dalam *Jurnal Hukum* Tahun 2001-2005”, (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.)

<sup>47</sup>Kajian Tuan Khairul Efeenddy Tuan Wil (2007), “ Qarinah Sebagai Keterangan Dalam Kes-Kes Mal Di Mahkamah Syariah: Analisis Terhadap Laporan-Laporan Kes Dalam *Jurnal Hukum* 2000-2004”, (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.)

## **1.6 Skop Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji akan membataskan penyelidikan dan penganalisaan kepada beberapa skop khusus. Skop pertama yang ingin dikaji oleh pengkaji iaitu peranan Kaedah *Fiqhiyyah* sebagai hujahan dalam perundangan. Kaedah *Fiqhiyyah* adalah salah satu cabang ilmu yang sangat penting dalam Islam. Antara fungsi Kaedah *Fiqhiyyah* dalam perundangan Islam ialah sebagai panduan dan dasar untuk mengeluarkan hukum-hukum pecahan atau cabang serta menyelesaikan isu-isu baru yang tiada dalil secara jelas dalam al-Quran dan Hadīth. Selain itu, sifat umum dan fleksibel Kaedah *Fiqhiyyah* itu dapat membantu para Hakim Syarie dalam menyelesaikan pelbagai kes-kes yang kompleks di Mahkamah Syariah. Justeru, secara tak langsung bidang kajian yang menjadi tumpuan dalam kajian ini juga ialah berhubung kepentingan aplikasi Kaedah *Fiqhiyyah* dalam membantu Hakim Syarie menyelesaikan kes-kes syariah yang dikemukakan kepada mereka.

Skop kedua, penulisan kajian ini hanya memfokuskan kepada kes-kes syariah yang telah diselesaikan oleh Mahkamah Syariah yang diterbitkan dalam *Jurnal Hukum* dari tahun 2004 hingga tahun 2013, khusus berkenaan penggunaan Kaedah *Fiqhiyyah* sahaja. Rasional tahun ini dipilih untuk dijalankan kajian kerana ianya boleh dikategorikan sebagai kes-kes yang masih baru dilaporkan dan isu-isu terkini yang mengikut keadaan dan masa sekarang serta relevan untuk dikaji. Di samping itu, tempoh masa selama 10 tahun adalah relevan dan signifikan untuk menjelaskan dan memahami aplikasi Kaedah *Fiqhiyyah* dalam penghakiman khususnya dalam alasan penghakiman. Skop terakhir, kajian ini hanya tertumpu kepada *Jurnal Hukum* kerana melibatkan kes-kes yang telah diselesaikan oleh Mahkamah Syariah dari pelbagai negeri.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Metodologi bermaksud pengetahuan tentang pelbagai cara kerja yang disesuaikan dengan objek studi ilmu-ilmu berkaitan. Metodik (metode-metode) itu merupakan jalan atau cara yang digunakan secara lebih mendalam.<sup>48</sup> Metodologi kajian adalah satu cara dan kaedah yang sistematik untuk memperoleh dan mengumpul data-data yang tepat dan bersesuaian berkaitan dengan tujuan kajian.

Dalam penyelidikan ilmiah, metode amat penting kerana ianya dapat menentukan keberkesanan kajian melalui cara kerja untuk memahami dan mengkaji objek atau perkara yang menjadi sasaran kajian. Sesuatu kajian ilmiah akan bertambah tinggi kualitinya apabila metodologi yang digunakan bertepatan dan bersesuaian dengan tajuk yang dipilih dan tujuan dijalankan metode pengumpulan data melibatkan usaha untuk mendapatkan data-data atau maklumat dengan pelbagai cara seperti soal selidik, temu bual, perbincangan, penyemakan, bahan-bahan rujukan dan sebagainya.<sup>49</sup>

Dalam menjayakan kajian yang akan dilakukan, pengkaji telah menggunakan dua bentuk metodologi berikut, iaitu;

### **1.7.1 Metode Pengumpulan Data**

Sumber data boleh dibahagikan kepada dua jenis sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder.<sup>50</sup> Dalam memperoleh data-data tersebut, pengkaji telah menggunakan metode kajian kepustakaan dan metode temu bual.

---

<sup>48</sup>Fuad Hassan dan Koentjaraningrat (1976), *Beberapa Asas Metodologi Ilmiah*. c. 2, Jakarta: T.P, h. 8.

<sup>49</sup>Kamarudin Ngah (1990), *Kaedah Penyelidikan: Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti, h. 16.

<sup>50</sup>Sumber primari ialah sumber yang ada kaitan langsung dengan keadaan yang dikaji termasuk temu bual, observasi dan seumpamanya. Manakala sumber sekunder pula ialah sumber yang ada perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga buku-

### **1.7.1 (a) Metode Kajian Kepustakaan**

Kajian kepustakaan ialah langkah asas yang digunakan untuk mengkaji dan mengumpul data-data serta fakta yang berkaitan dengan tajuk. Kajian ini dilakukan dalam usaha memahami konsep kajian dan memahami pengaplikasian Kaedah *Fiqhiyyah* sebagai bahan kajian. Data sekunder dalam bentuk buku, jurnal, kajian lepas, majalah, makalah dan sebagainya<sup>51</sup> akan digunakan bagi tujuan perlaksanaan sorotan kepustakaan kajian ini.

Pengkaji telah menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan data-data kerana sebahagian besar data-data adalah dalam bentuk dokumentasi terutamanya yang berkaitan dengan konsep Kaedah *Fiqhiyyah* yang terdapat dalam buku-buku rujukan bahasa Arab, bahasa Melayu, Al-Quran dan tafsirannya, Hadīth, kertas kerja, artikel dan sebagainya. Manakala kes-kes syariah yang menjadi bahan utama pengkaji telah dirujuk dalam *Jurnal Hukum* yang diterbitkan oleh Jabatan kehakiman Syariah Malaysia.

Antara perpustakaan yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat dan data-data ialah:

1. Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Peringatan Za’ba, Universiti Malaya.
4. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
5. Perpustakaan Ahmad Ibrahim, Universiti Malaya
6. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

---

buku ilmiah. Lihat, Idris Awang (2001), *kaedah penyelidikan: Suatu Sorotan*. Shah Alam: APIUM dan Intel multimedia and Publication, h. 75.

<sup>51</sup>Kenneth D. Bailey (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 480.

7. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
8. Perpustakaan Awam Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, penyelidikan kepustakaan ini hanya menyediakan data-data dan maklumat dalam bentuk teori sahaja. Untuk melengkapkan penyelidikan, pengkaji menyediakan cara kedua iaitu penyelidikan berbentuk lapangan.

### **1.7.1 (b) Metode Temu Bual**

Kajian lapangan atau kajian luar adalah satu cara yang penting dan berkesan untuk mendapatkan data secara langsung daripada responden di samping melakukan kajian kepustakaan. Cara ini akan menghasilkan suatu persoalan terkini dan lebih menepati objektif kajian.

Temu bual boleh didefinisikan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian.<sup>52</sup> Temu bual juga merupakan kaedah untuk mendapatkan keterangan secara lisan melalui proses percakapan secara *face to face* atau berhadap-hadapan.<sup>53</sup> Kajian ini akan menggunakan jenis temu bual semi struktur iaitu dengan cara pengkaji akan menyediakan soalan-soalan terlebih dahulu sebelum proses temu bual. Di samping soalan-soalan yang disediakan, pengkaji juga bebas menanyakan soalan-soalan yang berkaitan kepada responden. Temu bual telah dilakukan terhadap pakar dalam bidang Kaedah *Fiqhiyyah* dan perundangan iaitu Y.A Tuan Mohd Nadzri Abdul Rahman merupakan bekas Hakim M.T.S Seremban, Negeri Sembilan dan sekarang telah ditugaskan sebagai Pengarah Kehakiman di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Dr. Ruzman Md. Noor merupakan Profesor

---

<sup>52</sup>Chua Yan Piaw (2011), **Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua**. Malaysia: The McGraw-Hill Companies, h. 128.

<sup>53</sup>Kenneth D. Bailey (1992), Hashim Awang (terj.), *op.cit*, h. 328.